

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini rizab dan aliran tunai Lembaga Tabung Haji dan nyatakan berapa jumlah jemaah haji yang bakal mengerjakan haji pada tahun 2021.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Bahagian A : Kedudukan terkini rizab dan aliran tunai *TH*

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, Lembaga Tabung Haji (*TH*) mencatatkan jumlah lebihan dana atau jumlah rizab sebanyak RM1.8 bilion pada 30 Jun 2020. Kedudukan tunai *TH* juga kekal kukuh pada paras RM11.7 billion pada 30 Jun 2020.

Bahagian B : Jumlah jemaah haji yang bakal mengerjakan haji pada tahun 2021.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penularan wabak Covid-19 telah menimbulkan risiko keselamatan dan kesihatan awam yang serius di seluruh dunia. Wabak ini telah menjangkiti hampir 42 juta orang dan mengakibatkan 1.1 juta nyawa telah terkorban di seluruh dunia.

3. Kerajaan Arab Saudi sentiasa menitikberatkan hal-ehwal kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan jemaah umrah dan haji. Berikutan pandemik Covid-19 mereka telah menutup buat sementara urusan umrah sejak bulan Mac 2020.

4. Kerajaan Arab Saudi juga telah menghadkan urusan haji musim 1441H/2020M kepada mereka yang sudah pun berada dalam negara Arab Saudi pada jumlah 1,000 jemaah sahaja.

5. Kerajaan Arab Saudi memantau rapat perkembangan semasa pandemik Covid-19 serata dunia dan mereka amat berhati-hati sebelum mengeluarkan sebarang pemakluman atau kenyataan rasmi mengenai pelaksanaan umrah dan haji khasnya bagi jemaah dari luar negara.

NO. SOALAN : 15

6. Sepertimana yang dimaklumkan oleh YB Menteri Luar, YB Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pada 19 Oktober 2020, Malaysia dan Arab Saudi telah bersetuju membentuk Jawatankuasa Strategik Peringkat Tinggi bagi meningkatkan kerjasama antara kedua negara. Jawatankuasa yang akan dipengerusikan bersama oleh beliau dan Menteri Luar Arab Saudi, Putera Faisal Farhan Al-Saud, akan turut membincangkan hal-ehwal berkaitan umrah dan haji.
7. Sehingga kini, Kerajaan Arab Saudi masih belum mengeluarkan sebarang pemakluman atau kenyataan rasmi berhubung pelaksanaan haji bagi Musim 1442M/2021M.
8. Pihak Kerajaan Malaysia menerusi Lembaga Tabung Haji (**TH**) akan memaklumkan sebarang keputusan atau ketetapan Kerajaan Arab Saudi kepada semua pihak, setelah memperolehinya kelak.
9. Semua bakal haji dan umat Islam dipohon untuk bersabar serta menerima sebarang keputusan kelak dengan penuh reda dan teruskan berdoa agar keadaan kembali pulih bagi membolehkan urusan haji diteruskan untuk musim 1442H/2021M dan di masa-masa hadapan.

Sekian, terima kasih.